



Dr Mohd Yahya
Mohamed Arifin

mohdyma@gmail.com

TIP KERJAYA

MULAI Januari hingga April ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sekali lagi mengadakan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2012 secara bersepadu di 11 tempat terpilih di seluruh negara,

Tahniah kepada KPT dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang bekerjasama kerana mengambil inisiatif mengadakan karnival seumpama ini dengan harapan dapat memudahkan bakal pelajar melanjutkan pengajian ke universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) pilihan mereka.

Pelajar masa kini cukup bertuah kerana ada pihak yang mengadakan kemudahan seumpama itu berbanding pada zaman penulis dulu. Ketika itu, pelajar hanya berharap pada guru atau keluarga yang mungkin mempunyai sedikit pengetahuan mengenai peluang pengajian ke IPT.

Difahamkan Karnival Jom Masuk U tahun ini merupakan kali kelapan diadakan dan bermula pada 14 hingga 15 Januari bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan, Pahang

Memfaatkan Karnival *Jom Masuk U*

yang dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak.

Memetik laporan media, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin mengumumkan sebanyak 121 kursus atau program pengajian baru akan diperkenalkan di universiti tempatan tahun ini bagi memenuhi keperluan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan kehendak pasaran.

Antara program itu ialah kejuruteraan perisian, kejuruteraan komputer, perbankan Islam, sains pertanian, sains kesihatan, sains sukan, pelancongan dan keusahawanan.

Graduan dijangka mudah mendapat pekerjaan kerana program itu dikatakan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi pada masa depan.

Karnival ini tidak tamat di Kuantan sebaliknya, bergerak ke Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu diikuti di Stadium Darul Aman, Alor Setar dan beberapa tempat di seluruh negara.

Inilah masa terbaik untuk calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia

(STAM), Matrikulasi, Asasi, serta pemegang diploma lepasan universiti awam dan swasta serta politeknik bertemu dengan wakil universiti, IPT serta organisasi penaja dan pinjaman pendidikan yang mengambil bahagian di setiap lokasi terbabit.

Tambahan pula, bukan mudah untuk menghimpunkan semua universiti dan IPT awam termasuk IPT swasta, politeknik premier, Pusat Matrikulasi KPM, institusi kemahiran di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah satu bumbung.

Gunakan peluang ini untuk mendapat maklumat terperinci mengenai peluang pengajian yang diminati dan mempunyai prospek kerjaya yang ditawarkan daripada wakil universiti, IPT dan institusi kemahiran

Oleh itu, calon perlu merebut peluang ini kerana karnival kali ini menyediakan pelbagai aktiviti menarik termasuk pameran pendidikan, informasi kemasukan ke IPT, kuiz Jom Masuk U, cabutan bertuah, khidmat bimbingan dan kaunseling mengenai kemasukan, pembiayaan pendidikan, seminar peluang

pengajian tinggi serta permohonan aplikasi dalam talian.

Lepasan SPM juga berpeluang mengikuti pengajian di peringkat persediaan seperti matrikulasi, asasi dan Tamhidi (di Universiti Sains Islam Malaysia saja) serta diploma. Calon boleh memohon memasuki institusi latihan kemahiran anjuran beberapa agensi dan kementerian yang menawarkan pengajian peringkat sijil dan diploma.

Lepasan STPM, STAM, matrikulasi, asasi, diploma dan yang setaraf pula berpeluang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda di mana-mana 20 universiti awam atau swasta.

Memandangkan kos untuk membiayai pengajian tinggi semakin meningkat, maka di karnival ini pengujung berpeluang mengenali dengan lebih dekat organisasi pemberi tajaan dan pinjaman pendidikan.

Bagi kemasukan sesi 2012/2013 ini, calon boleh membuat permohonan secara dalam talian mulai 9 Januari sehingga tarikh tutup pada 2 April. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman web KPT di <http://upu.mohe.gov.my> atau www.facebook.com/BP-KPJPT.

Jadual Karnival Pengajian Tinggi Negera 2012

Tempat: Sultan Ahmad Shah International Convention Centre, Kuantan, Pahang
Tarikh: 14-15 Januari

Tempat: Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu 28-29 Januari
Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah
Tarikh: 4-5 Februari

Tarikh: Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu, Sabah
Tarikh: 11-12 Februari

Tempat: Sunway Convention Centre, Seberang Jaya, Pulau Pinang
Tempat: 18-19 Februari

Tempat: Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu, Kelantan
Tarikh: 25-26 Februari

Tempat: Dataran Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan
Tarikh: 3-4 Mac

Tempat: Permalta Exhibition Hall, Kuching, Sarawak
Tarikh: 10-11 Mac

Tempat: Arena Square, Kuala Kangsar, Perak
Tarikh: 17-18 Mac

Tempat: Persada, Johor Bahru, Johor
Tarikh: 24-25 Mac

Tempat: Mines International Exhibition Centre, Seri Kembangan, Selangor
Tarikh: 31 Mac-1 April

■ Penulis ialah Prof Madya, Fakulti Kepemimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.